

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' HAJI ZULKIFLY BIN RAMLI
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
DI
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JKM
KALI KEDUA TAHUN 2015
DAN APRESIASI KPKM

7 APRIL 2015 (SELASA)
DEWAN PERDANA NUR

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Kebajikan.

Yang Dihormati Saudari dan Saudara Pengacara Majlis,

Yang diraikan,

Yang Berbahagia Dato' Norani Hj Mohd Hashim,

Bekas Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Fazari Mohd Salleh,

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik),

Yang Berusaha Puan Noormah Dato' Hj Abd Rauf,

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi),

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan

Wilayah Persekutuan,

Pegawai-pegawai dan Kakitangan,

Tuan-tuan dan puan-puan warga JKM yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan puja, sujud dan syukur kita merafak kehadiran Allah S.W.T. kerana hanya padaNya yang layak menerima segala pujian. Di pagi yang penuh ceria dan dilimpahi kerahmatan ini dengan izin Allah jua, kita semua dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kali Kedua JKM dan Apresiasi Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat pagi ini.
2. Ucapan terima kasih jua, kepada Bahagian Kawalan Standard dan Perintah Khidmat Masyarakat selaku penganjur bersama dalam menjayakan majlis pada pagi ini.
3. Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih dinukilkan kepada YBhg Dato' Norani Hj Mohd Hashim, bekas KPKM yang telah mempusakai pakej ekosistem perkhidmatan yang terbaik dengan *status quo* JKM untuk terus relevan dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan dan terus berperanan dalam perkhidmatan awam.
4. Pada kesempatan ini jua, saya mendoakan semoga Allah SWT menganugerahkan kesejahteraan dan ketenangan hidup yang berkekalan kepada bekas KPKM yang merupakan mentor, sifu dan ikon kepada saya berkaitan

semangat dan kekuatan berkerja yang dipamerkan semasa bertugas sebagai KPKM.

YBhg Dato'/ tuan-tuan/puan-puan,

5. Majlis ini merupakan yang pertama bagi diri saya bertemu dengan warga JKM setelah dilantik secara rasmi sebagai Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat berkuatkuasa **30 Mac 2015**. Jika dihitung pada hari ini, adalah **hari ke-9** saya menerima ***baten*** peneraju kepimpinan tertinggi JKM .
6. Pelantikan ini merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada saya dan saya sedar setiap jawatan atau pemimpin akan ditanya ke atasnya apa yang dipimpin. Lantaran itu, masa ini bukan untuk saya merasa selesa atas nikmat pelantikan ke jawatan ini tetapi bermulanya tugas dan gerak kerja yang diamanah untuk mencapai visi dan misi JKM.
7. Menyelusuri kepimpinan dalam JKM, pelantikan saya merupakan KPKM yang ke-21 semenjak tertubuhnya JKM 69 tahun yang lalu pada bulan April 1946.

8. Saya juga bersyukur kerana dikurniakan pasukan yang komited dengan 2 sayap yang terajui oleh kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah yang kuat berkerja lagi hebat semangat juangnya. Tahniah saya ucapkan atas pelantikan tersebut dan marilah kita sama-sama berkhidmat untuk JKM.

YBhg Dato'/ tuan-tuan/puan-puan,

9. Masa terus berlalu, kesannya persaingan hebat dunia tiada sempadan menjadikan kreativiti dan inovasi sebagai faktor kritikal dan platform utama dalam menentukan kelangsungan kecekapan perkhidmatan JKM. Menyedari hakikat bahawa kreativiti dan inovasi adalah *the rules of the games*, maka pemerkasaan JABATAN dari aspek kreativiti dan inovasi adalah *signifikan* dalam mencapai visi JKM.
10. Menyedari *survival* JKM, anjakan paradigma perlulah sentiasa dilaksanakan kerana kecemerlangan bukanlah sasaran yang statik. JKM perlu terus kekal relevan dan memberi nilai tambah kepada sistem penyampaian perkhidmatan **KEBAJIKAN**. Justeru, penyediaan SOP, peraturan dan garis panduan yang lebih kreatif dan inovatif

merupakan suatu mehnah atau cabaran kepada JKM dalam usaha menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan.

11.Pada kesempatan ini, saya ingin berkongsi dengan tuan-tuan dan puan-puan akan manifestasi iltizam Kepimpinan Tertinggi dan aspirasi KPWKM supaya JKM melakar paradigma baharu selaras dengan fenomena transformasi penyampaian perkhidmatan awam.

12.Transformasi penyampaian perlulah diperkasakan melalui pengurusan organisasi dan penggunaan teknologi ICT yang inovatif dan mampan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang efektif, efisien, integriti dan responsif memenuhi permintaan dan tuntutan pelanggan yang tidak terhad.

13.Dalam majlis yang mulia lagi berakah ini, saya ingin bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan menjayakan harapan KPWKM supaya;

**“JKM TERBANG TINGGI
HARI INI LEBIH BAIK DARIPADA SEMALAM”**

14. Bagi mencapai **JKM Terbang Tinggi : hari ini lebih baik daripada semalam**, kita boleh amalkan seperti pepatah, di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung. Curahkanlah sepenuh jiwa dan raga, khidmat dan bakti kita kepada JKM yang kita sayangi ini. Optimumkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman, maklumat, sumber dan kemudahan serta budayakanlah amalan *seamless (tiada sekatan)* dan kesepakatan dalam melaksanakan tugas. Perlulah bersifat responsif, pantas bertindak dan membuat keputusan melalui tindakan-tindakan berikut:-

15. Pertamanya, keperluan kita bersama melihat kembali kepada *capacity building* di kalangan kakitangan dan klien. Perancangan perlu dilihat untuk 5 tahun akan datang melalui peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan kepakaran serta latihan berterusan adalah diperlukan.

16. Kedua, pembentukan *teamwork* di semua peringkat dengan memperkukuhkan kerjasama antara KPWKM serta agensi samada di peringkat Ibupejabat, Negeri atau Daerah dengan saling bantu-membantu dan tolong menolong secara intra dan inter agensi.

17. Ketiga, memperkuat peranan PKMN dengan memberi atau menurunkan kuasa dalam soal pengurusan kewangan, mengekalkan pegawai dengan peningkatan gred jawatan yang lebih tinggi ditempat yang sama dan berkeupayaan membuat keputusan. PKMN perlu mempunyai KPI yang boleh diukur dan memberi manfaat kepada Jabatan.
18. Keempat, pengalaman pegawai perlu ada di pelbagai peringkat perkhidmatan untuk meningkatkan kompetensi dalam pelbagai bidang. Maka dengan ini warga JKM dapat bekerjasama bagi mengelakkan berkerja secara ***silo*** secara dalaman atau dengan agensi yang berkaitan.
19. Kelima, memahami falsafah atau budaya kerja yang menuntut tindakan sesuatu tugas iaitu kesegeraan, keutamaan dan penting. Kefahaman budaya *work smart* berbanding *work hard* amat penting dalam mengelakkan aduan, ketidakpuasan pelanggan dan *stakeholder*. Dengan amalan *work smart* akan menjadikan kerja yang sedikit menghasilkan *outcome* yang lebih dan sentuhan yang minimum menjana hasil yang maksimum.

20.Keenam, kemantapan pengurusan kewangan amat penting terutamanya proses perolehan bagi mengelak jawapan ketidakpatuhan audit, perbelanjaan AP59, Penyelesaian Bil dalam tempoh 14 hari dan bantuan geran kepada NGO's.

21.Setiap Warga JKM adalah disaran melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran baharu, agar berupaya menyumbang perkhidmatan yang berteraskan kepada kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan perkhidmatan dan produk yang berprestasi tinggi dengan bertunjangan kepada integriti serta kebertanggungjawaban. Harapan menggunung saya, JKM akan terus kekal relevan di persada global transformasi penyampaian perkhidmatan awam.

22.Akhir kata, saya doakan semua warga JKM dikurniakan permikiran yang mempunyai keupayaan untuk mencipta, mengubah dan berfikir ke hadapan secara menyeluruh untuk mencapai kecemerlangan JKM.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh....